

#### "MENCORAK KETAMADUNAN ISLAM BAHARU"

(17 Februari 2017/20 Jamadilawal 1438)

# ٱلْحَمَّدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿ ذَالِكَ بِأَتَ ٱللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَى قَوْمٍ حَتَى يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِمٍ مُّ وَأَتَ ٱللَّهَ سَمِيعُ عَلِيمٌ ﴾ أَشْهَدُ أَن لاَّ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَم الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَم الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ اتَّقُوا الله، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّمُ لَوْمِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

#### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,


Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini diberkati di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: "MENCORAK KETAMADUNAN ISLAM BAHARU".

#### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam adalah agama universal yang datang dari Allah SWT untuk semua manusia. Sinarnya membantu manusia mencorakkan tamadun ke arah kesempurnaan berdasarkan panduan wahyu ilahi tanpa mengenepikan peranan akal. Kini kita dapat menyaksikan hasilnya apabila berjaya membina satu imej baharu kepada masyarakat Islam khususnya di negara ini dan dunia amnya dengan menampilkan sebuah tamadun yang gemilang. Kita berjaya membina kecemerlangan dalam

pelbagai bidang yang dimulai dengan keagungan pemerintahan, pelaksanaan undang-undang, kesungguhan pendidikan, kerancakan ekonomi dan kemurnian budaya serta sosial. Ini adalah bukti bahawa kejayaan yang dibina oleh generasi awal terdahulu berasaskan landasan fahaman agama Islam yang betul.

Walaupun kemudahan zaman tersebut agak terhad, namun mereka tetap bergerak aktif dan mampu berinteraksi serta bersaing dengan negara membangun yang lain. Tuntasnya, kita mampu membina satu jati diri bangsa yang disegani dan menjadi contoh teladan. Apakah yang mendorong kejayaan ini? Ya, menurut pandangan Ibn Khaldun bahawa pencapaian tamadun dan peradaban manusia, perubahan dalam cara hidup, pembangunan dan kemajuan yang tinggi adalah dimulai dengan suatu **perubahan**. Firman Allah SWT dalam Surah Al Anfal ayat 53:



**Maksudnya:** "(Balasan) yang demikian itu, ialah kerana sesungguhnya Allah tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dikurniakan-Nya kepada sesuatu kaum sehingga mereka **mengubah** apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

#### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada alaf baharu yang kian sarat dengan pelbagai cabaran ini, kita perlu mengambil iktibar daripada sejarah kemerosotan dan kejatuhan tamadun masyarakat lampau. Ibnu Khaldun menyatakan bahawa dalam menempuh sesebuah peradaban itu terdapat empat generasi yang terlibat. Pertama adalah generasi pengamal; yang kedua generasi pengikut; yang ketiga generasi pemelihara tradisi; dan yang keempat generasi pemusnah tradisi.

Berdasarkan empat generasi ini, penyelidik telah mengenalpasti beberapa faktor sebagai punca kejatuhan sesebuah tamadun. Antaranya, **faktor keruntuhan akhlak** dalam masyarakat khususnya di kalangan pemimpin yang tidak

mempedulikan soal penghayatan nilai-nilai murni sehingga berleluasanya amalan rasuah dan pecah amanah seperti kejatuhan empayar Moghul. Faktor kedua, berlaku perpecahan di kalangan masyarakat yang mengakibatkan terbantutnya perkembangan ketamadunan tersebut seperti kemerosotan Kerajaan Bani Umaiyah. Faktor ketiga, berlakunya ketidakadilan sehingga wujud jurang yang ketara antara golongan kaya dan miskin seperti kezaliman pemerintah Yunani terhadap golongan bawahan yang diakhiri dengan pelbagai siri pemberontakan.

Faktor keempat, akibat **ketidakstabilan politik** di beberapa wilayah yang dijajah. Faktor kelima, sering **mengalami kejadian bencana alam atau malapetaka** yang besar sehingga merosakkan harta benda dan nyawa secara besarbesaran seperti bah, wabak penyakit dan sebagainya. Dan faktor keenam adalah sikap **tidak mahu menerima perubahan** sehingga merencatkan daya kreativiti masyarakat dan menjadikan mereka beku.

#### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam konteks ini, dapat kita nyatakan bahawa pembangunan tamadun ibarat pembuatan sesuatu produk yang menggunakan bahan-bahan tertentu yang berkualiti dan mempunyai piawaian yang tinggi agar tidak mencacatkan produk tersebut. Dalam hal ini, jika manusia yang terlibat dalam pembangunan tamadun adalah manusia yang pincang dan lemah nescaya rosaklah tamadun tersebut. Justeru, sesetengah pemimpin dunia bersungguh-sungguh memastikan legasi generasinya cemerlang agar dapat menggerakkan tamadun ini.

Persoalannya, siapakah generasi cemerlang ini? Ya, itulah yang dinamakan **generasi al Qur'an** iaitu generasi yang menjadikan al-Quran sebagai pedoman hidup mereka, meyakini kebenaran al-Quran, membaca dan memahaminya dengan benar dan betul serta mengamalkannya dalam seluruh aspek kehidupan mereka.

Generasi ini menjadi idaman bagi seluruh umat Islam walau di mana mereka berada. Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 110:

Maksudnya: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu lebih baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka orang yang fasik."

#### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Rentetan pelbagai kemajuan yang dicipta, mimbar optimis bahawa kita mampu menempa satu sejarah baharu untuk mencorak ketamadunan Islam yang unggul. Sempena dengan perhimpunan genersi muda dalam program **Dialog Agamawan TN50** di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 20 Februari 2017 ini, generasi muda hari ini diseru untuk lebih bersedia membuka minda bagi menghadapi cabaran membangunkan ummah yang terbaik dan cemerlang.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran tersebut, Islam menggariskan beberapa ciri perubahan yang relevan dengan generasi muda iaitu **pertama**, melakukan perubahan secara menyeluruh dan tidak terhenti pada satu sudut kehidupan sahaja. Namun, perubahan tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa tanpa perancangan yang strategik. Perubahan **kedua**, menyentuh kesucian akidah. Perubahan akidah ini perlu berpusat kepada betul tujuan yang ingin dicapai, betul manhaj dan wasilahnya serta terjamin ketepatannya dari segi syarak. Perubahan **ketiga**, ia memerlukan kepada hubungan yang berperi kemanusiaan dan bukannya yang membawa kerosakan.

Perubahan amat penting kerana ia dapat melepaskan umat manusia daripada kehinaan dan kecelakaan, jatuhnya sesebuah tamadun, dan rosaknya akidah. Firman Allah SWT dalam Surah Al Baqarah ayat 143:

﴿ وَكَذَاكِ جَعَلَنَكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِنَكُونُوا شُهَدَآءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَاجَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِمَّن يَنقَلِبُ عَلَى عَقِبَيْةً وَإِن كَانَتُ لَكِيرَةً إِلَا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَنَكُمْ إِنَ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُ وَثُ رَحِيمٌ ﴾

Maksudnya: "Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhamad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah), dan Rasulullah (Muhamad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Ka'bah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhamad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benarbenar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya). Dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah. Dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah amat melimpah belas kasihan dan rahmat-Nya kepada orang (yang beriman)."

### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Masyarakat bertamadun menurut Islam ialah mereka yang dibentuk berasaskan Islam sebagai ad-Din berteraskan kepada akidah, syariah dan akhlak. Mereka juga benar-benar melaksanakan tugasnya sebagai khalifah Allah SWT. Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekelian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan sebagai pedoman di dalam kehidupan kita, antaranya:

**Pertama:** Kepemimpinan yang berwibawa mampu membawa perubahan tamadun baharu untuk kemajuan agama, bangsa dan negara.

**Kedua:** Generasi Qur'ani memikul amanah dalam meneruskan proses pengembangan tamadun dan pembangunan ummah.

**Ketiga:** Masyarakat yang bertamadun adalah masyarakat yang memiliki kemajuan hidup yang meliputi aspek rohani dan jasmani.

Maksudnya: "Banyak sungguh kebun-kebun dan mata air yang mereka tinggalkan. Dan juga berbagai jenis tanaman serta tempat-tempat kediaman yang indah-mulia. Dan juga kemewahan hidup, yang mereka sekian lama menikmatinya. Demikianlah keadaannya (hukum Kami ke atas orang yang derhaka); dan Kami jadikan semua peninggalan Firaun dan orangnya, milik kaum yang lain (kaum Bani Israel). Mereka (ketika dibinasakan) itu tidak ditangisi oleh langit dan bumi (atau penduduk kedua-duanya) dan mereka pula tidak diberi tempoh lagi." (Surah Ad Dukhan: 25-29)



## "KHUTBAH KEDUA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَر، أَشْهَدُ أَن لَا إِلَـهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَـهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِّمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِّمَن جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِـهِ الْمُصابِيحِ الْغُورِ. الْجُنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصَلِ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِـهِ الْمُصابِيحِ الْغُورِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَّرَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهُ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَّى بِمَلَاثِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهُ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَى بِمَلَاثِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهُ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَى بِمَلَاثِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿ إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَيْكِ كَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ وَاللَّهُ مَا لَيْ مَا رَكُمْ بِأَمْو اللَّهُ عَلَى وَلَمْ يَوْلُ مَا لَيْكُمْ وَا مَنْ لُولُ مَلَوْلُهُ مَا لَيْ وَلَا لَيْ اللَّهُ وَمَلَيْهِ وَسَلِمُوا أَنَّ لَكُونَ عَلَى اللَّهُ وَمَلَيْهِ وَسَلِمُوا قَسِلِمُوا مَلْفِي وَلَمْ لَيْ اللَّهُ وَلَا لَا لَكُولُهُ مَا لَلْهُ وَلَا مَلَاثُولَ مَا لَيْ وَلَا لَاللَّهُ وَلَا لَكُولُ مَلَا لِللللَّهُ مَا لَكُولُ فَاللَّهُ وَلَا مَنْ اللَّهُ وَلَا لَاللَّهُ وَلَا اللَّهُ لِي اللَّهُ وَلَا اللَّهُ وَلَا اللَّهُ وَلَا لَكُولُوا مَا لَا لَكُولُ اللَّهُ وَلَا لَا لَكُولُ اللَّهُ وَلَا لَا لَكُولُولُ اللَّهُ وَلَا لَكُولُ اللَّهُ وَلَا لَكُولُ اللَّهُ لَا لَاللَهُ وَلَمُ لَا لَكُولُولُكُوا مَلَكُمْ وَلَا مُولَا لَا لَكُولُولُ اللَّهُ وَلَى الللَّهُ وَلَا لَلْهُ مِنْ اللَّهُ وَلَا لَلْهُ لَا لَا لَكُولُ اللَّهُ لَا لَا لَكُولُولُ اللَّهُ وَلَا اللَّهُ لَا لَكُولُ اللَّهُ اللَّهُ اللْهُ لَا لَكُولُ اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ اللَا

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ عَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَن سَائِرِ الصَّحَابَةِ طَالِبٍ، وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَن سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَن تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الزَّاحِينَ، وَالْصَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِينَ. الرَّاحِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلِّهُ مَا يَنْ قُلُوهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وانْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوّكَ وَعَدُوّهِمْ. اللَّهُمَّ انْصُرْ سَلَاطِينَ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وانْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوّكَ وَعَدُوّهِمْ. اللَّهُمَّ انْصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدُهُمْ بِالتَّقْوَى والتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوحِدِينَ، وَأَدِمْ هَمُ الْعِزَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدُهُمْ بِالتَّقْوَى والتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوحِدِينَ، وَأَدِمْ هَمُ الْعِزَّةَ وَاللَّهُمْ الْعَلَىمُ اللَّهُمَّ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدُهُمْ اللَّهُمَّ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدُهُمْ اللَّيْوِرِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا وَالتَّوْدِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا طَهَرَ مِنْ الظُّلُمَاتِ إِلَى النَّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا طَهَرَ مِنْ الظُّلُمَاتِ إِلَى النَّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا طَهَرَ مِنْ الطَّلُمُاتِ إِلَى النَّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا طَهَرَ مِنْ الطَّلُمُ وَالْهُمْ وَالْمُولِ اللَّهُمُ الْمُؤْمِ اللَّهُمُ وَالْمُؤْمِ مِنْ الطَّلُمُ مَا اللَّهُمُ الْمُؤْمِ مِنْ اللَّهُمُ وَمَا بَطَنَ.

اللَّهُمَّ أَنزِلِ الرَّحْمَةَ والسَّكِينَةَ وَالسَّلاَمَةَ والْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ مَلكِنَا: كَباوه دولي يعْ مها موليا سري قادوك بكيندا يعْ دقرتوان اكوغ سلطان محمد كليما وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ. أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيَّضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَّعَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ الشَّريفَ لَهُ وَلِوُزَرَائِكِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا، وَارْزُقْهُمُ التَّوْفِيقَ لِكُل خَيْر وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَّا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُّطْمَئِنَةً رَّخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَقِقْنَا جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ بِلَادَنَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَقِقْنَا جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُكَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْتَنَا بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُرِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَدُنك رَحْمَةً إِنَّك أَنتَ ٱلْوَهَّابُ ﴾ ﴿ رَبَّنَآءَ النَّافِ اللَّهُ مُنكَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْآخِرةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّادِ ﴾ عِبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَآيِ ذِى ٱلْقُرْبَ وَيَنْهَى عَبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَآيِ ذِى ٱلْقُرْبَ وَيَنْهَى عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغِي تَعِظُكُمْ لَعَلَقكُمْ لَعَلَقكُمْ مَن فَضْلِهِ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِن فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكُو اللَّهُ آكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.